A

RAQEEM RIZQIN ENTERPRISE & YANG LAIN lwn. KETUA POLIS NEGARA & SATU LAGI

MAHKAMAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA
AHMAD MAAROP PMR
RAMLY ALI HMP
B ALIZATUL KHAIR OSMAN HMP
ROHANA YUSUF HMP
MOHD ZAWAWI SALLEH HMP
[RAYUAN JENAYAH NO: 05-292-12-2017(W)]
18 JULAI 2019

C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta') – Seksyen 4(1) – Perintah pembekuan dan penyitaan harta – Permohonan pelepasan perintah pembekuan dan penyitaan – Alasan permohonan – Perintah-*
D *perintah terhenti berkuat kuasa menurut s. 52A Akta – Sama ada pemohon diberi peluang menunjukkan sebab mengapa harta tidak boleh dilucuthakkan – Sama ada pemohon 'dipertuduh' atas apa-apa kesalahan bawah Akta – Sama ada waran tangkap dipohon atau sanksi untuk mendakwa dikeluarkan – Sama ada perintah pembekuan dan penyitaan terhenti berkuat kuasa apabila tiada pendakwaan dalam*
E *tempoh 12 bulan – Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, ss. 4(1), 56(1), (3) & 61(2)*

Pada 2 Februari 2015 dan 12 Februari 2015, perintah-perintah pembekuan bawah s. 44 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan
F Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta 613') dikeluarkan, antara lain, terhadap akaun-akaun milik perayu-perayu oleh pegawai penyiasat Polis Diraja Malaysia ('pegawai penyiasat'). Pada 13 Mac 2015, pegawai penyiasat mengeluarkan perintah-perintah penyitaan harta alih terhadap kenderaan-kenderaan milik perayu pertama
G ke-13, ke-18 dan ke-19 di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Perintah-perintah pembekuan dan penyitaan tersebut dikeluarkan kerana pegawai penyiasat mempunyai syak yang munasabah bahawa harta-harta yang disita dan dibekukan tersebut merupakan subjek satu kesalahan jenayah bawah sub-s. 4(1) Akta 613. Pada 29 April 2015, Timbalan Pendakwa Raya
H telah mengeluarkan Notis Penyitaan Harta Alih Dalam Institusi Kewangan bawah s. 50 Akta 613 kepada institusi-institusi kewangan yang berkaitan agar tidak melepaskan, berurusan tentang atau selainnya melupuskan harta-harta yang telah dibekukan melalui perintah-perintah bawah s. 44 Akta 613. Perayu-perayu, pada 15 Februari 2016, memohon agar perintah-perintah pembekuan dan penyitaan akaun-akaun dan kenderaan-kenderaan perayu-
I perayu dilepaskan atas alasan perintah-perintah tersebut terhenti berkuat kuasa menurut s. 52A kerana perayu-perayu tidak dipertuduh dengan kesalahan bawah Akta 613 dalam tempoh 12 bulan dari perintah penyitaan dan perintah pembekuan dibuat. Walau bagaimanapun, Jabatan Peguam

Negara, dalam jawapannya menyatakan bahawa harta-harta perayu-perayu yang disita dan dibekukan tidak boleh dilepaskan kerana Pendakwa Raya telah memohon waran tangkap dikeluarkan terhadap perayu-perayu. Perayu-perayu kemudiannya memfailkan notis usul, antara lain, untuk perintah-perintah berikut: (i) waran tangkap atau waran-waran tangkap yang dikeluarkan terhadap pemohon-pemohon dibatalkan dan/atau dimansuhkan; dan (ii) semua akaun-akaun bank dan institusi kewangan, simpanan di Lembaga Tabung Haji dan simpanan-simpanan lain milik pemohon-pemohon termasuk kenderaan yang telah dibekukan atas perintah responden-responden dibatalkan pembekuan dan pemohon-pemohon bebas untuk berurus niaga dengan akaun-akaun dan simpanan-simpanan tersebut. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi menolak notis usul tersebut. Tidak berpuas hati, perayu-perayu merayu ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan menolak rayuan perayu-perayu dan mengekalkan serta mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi. Oleh itu, rayuan ini oleh perayu-perayu. Isu yang perlu diputuskan dalam rayuan ini ialah sama ada Mahkamah Rayuan betul apabila menolak rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang enggan membenarkan notis usul perayu-perayu.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi)

Oleh Zawawi Mohd Salleh HMP menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Tiada apa-apa pertuduhan dikemukakan terhadap perayu-perayu bagi satu kesalahan bawah sub-s. 4(1) Akta 613 atau satu kesalahan membiayai keganasan. Pihak pendakwaan juga tidak membuat permohonan bawah s. 56 Akta 613 untuk perintah dilucuthakkan harta-harta tersebut. Dengan demikian, mekanisme yang diperuntukkan bawah sub-s. 61(2) Akta 613, iaitu, keperluan untuk menyebabkan disiarkan suatu notis dalam Warta bagi memanggil mana-mana pihak ketiga, termasuk perayu-perayu, yang mempunyai kepentingan mengenai harta-harta itu untuk hadir di mahkamah untuk menunjukkan sebab mengapa harta-harta itu tidak boleh dilucuthakkan, tidak dapat digerakkan dan/atau dimulakan. Perayu-perayu tidak mempunyai apa-apa jalan/kesempatan/peluang untuk menunjukkan sebab mengapa harta-harta tersebut tidak boleh dilucuthakkan walaupun mereka mempunyai kepentingan sah di sisi undang-undang terhadap harta-harta itu. Oleh itu, perintah Mahkamah Tinggi menolak notis usul adalah satu perintah atau keputusan muktamad mengenai harta-harta yang terlibat. Tiada apa-apa tindakan lanjut boleh diambil oleh perayu-perayu berhubung dengan harta tersebut berdasarkan peruntukan Akta 613. (perenggan 19)

(2) Peruntukan-peruntukan Akta 613 bertujuan mencegah kesalahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dan memberi kuasa luas kepada agensi penguat kuasa. Pembekuan dan penyitaan harta boleh dibuat hanya atas asas 'jika agensi penguat kuasa mempunyai alasan yang

munasabah untuk mengesyaki suatu kesalahan' telah dilakukan atau harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan. Untuk mengimbangi kuasa-kuasa agensi penguat kuasa yang luas dan keperluan melindungi hak memiliki dan menikmati harta secara aman, seperti yang dijamin oleh per. 13 Perlembagaan Persekutuan, Akta 613 memasukkan beberapa peruntukan, yang menghendaki agar tindakan susulan tertentu diambil dalam tempoh yang ditetapkan, antara lain, ss. 52A dan 56(3) Akta 613. (perenggan 37 & 38)

(3) Peruntukan s. 52A Akta 613 adalah jelas dan mandatori; harta yang telah disita hendaklah dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu disita jika: (i) melebihi tempoh 12 bulan dari perintah penyitaan dibuat; dan (ii) orang yang terhadapnya perintah pembekuan atau penyitaan itu dibuat tidak dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah Akta dalam tempoh 12 bulan daripada perintah pembekuan itu dibuat. Subseksyen 56(3) Akta 613 memperuntukkan bahawa apa-apa harta yang telah disita tetapi tiada pendakwaan dibuat atau sabitan bagi suatu kesalahan bawah sub-s. 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan, Pendakwa Raya hendaklah, sebelum tamat tempoh 12 bulan dari tarikh penyitaan itu, memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah pelucuthakan harta itu. Jika Pendakwa Raya gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, harta yang disita hendaklah dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu telah disita. (perenggan 39 & 40)

(4) Untuk tujuan s. 52A Akta 613, seseorang itu dikatakan 'dipertuduhkan' apabila mahkamah telah mengambil perhatian terhadap kesalahan berkenaan. Walau bagaimanapun, tiada waran tangkap dipohon dan tiada sanksi untuk mendakwa dikeluarkan terhadap perayu-perayu. Oleh itu, perayu-perayu tidak 'dipertuduhkan' dalam tempoh yang ditetapkan dalam s. 52A. Sanksi untuk mendakwa ialah langkah penting yang perlu diambil oleh pihak pendakwaan ke arah mempertuduhkan perayu-perayu di mahkamah. Oleh itu, perintah-perintah pembekuan dan penyitaan yang dikeluarkan terhadap perayu-perayu telah terhenti berkuat kuasa kerana tempoh 12 bulan tamat tanpa apa-apa pertuduhan dikemukakan terhadap perayu-perayu. (perenggan 54 & 55)

(5) Beban tugas agensi penguat kuasa dan pihak pendakwaan bukan sesuatu yang boleh diambil pengiktirafan oleh mahkamah dan tidak boleh dijadikan alasan untuk mengetepikan kehendak mandatori sub-s. 56(1). Fakta-fakta yang membolehkan mahkamah membuat pengiktirafan kehakiman telah disenaraikan dalam s. 57 Akta Keterangan 1950. Keputusan Mahkamah Rayuan bertentangan dengan peruntukan jelas dan mandatori undang-undang. Inferen yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan bahawa 'perayu-perayu juga telah mengambil kesempatan atas kelemahan sistem yang digunakan oleh institusi kewangan dengan memindahkan wang tersebut ke dalam akaun mereka' tidak berdasarkan

pada apa-apa keterangan yang dikemukakan di mahkamah dan Mahkamah Rayuan telah 'indulged in fanciful surmise and conjecture' dalam perkara ini. (perenggan 57 & 58)

(6) Hak seseorang tertuduh untuk mendapatkan perbicaraan yang adil dalam tempoh yang munasabah adalah dijamin oleh per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, tidak ada permohonan dibuat oleh pihak pendakwaan bawah sub-s. 56(1) Akta 613 berhubung dengan harta-harta perayu-perayu yang telah dibeku dan disita. Kelewatan pihak pendakwaan mengambil langkah-langkah ke arah mengemukakan pertuduhan terhadap perayu-perayu dan memohon kepada Mahkamah Tinggi bawah sub-s. 56(1) Akta 613 adalah bercanggah dengan peruntukan undang-undang dan tidak dapat dipertahankan. Tiada apa-apa alasan dikemukakan dalam afidavit responden-responden yang menerangkan tentang kelewatan tersebut. Tidak sesuai dan wajar bagi Mahkamah Rayuan menjustifikasikan kelewatan tersebut dengan membuat pengiktirafan kehakiman bahawa siasatan perlu dibuat dari kesemua sudut dan banyak pihak dan seterusnya mengetepikan kesan sub-s. 56(1). (perenggan 60, 63 & 65)

(7) Pembekuan dan penyitaan harta-harta perayu-perayu selepas tamat tempoh 12 bulan dari tarikh perintah-perintah pembekuan dan penyitaan dikeluarkan tanpa permohonan dibuat oleh pihak pendakwaan bawah s. 56 Akta 613 adalah menyalahi undang-undang dan amat memprejudiskan perayu-perayu kerana mereka tidak mempunyai apa-apa jalan/kesempatan/peluang menunjukkan sebab mengapa harta-harta itu tidak boleh dilucuthakkan. Subseksyen 56(3) jelas menyatakan bahawa jika tiada permohonan dibuat bawah sub-s. 56(1) Akta 613, harta-harta itu hendaklah dilepaskan apabila tamat tempoh 12 bulan dari tarikh penyitaannya. Oleh itu, responden-responden telah melanggar keadilan asasi perayu-perayu apabila menafikan undang-undang lazim iaitu perayu-perayu hendaklah diberikan peluang untuk didengar sebelum sesuatu keputusan yang menjejaskan kepentingan mereka dibuat. (perenggan 66 & 67)

***English** Headnotes*

On 2 February 2015 and 12 February 2015, freezing orders under s. 44 of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('Act 613') were issued, *inter alia*, against the accounts belonging to the appellants by the investigating officer of the Royal Malaysian Police ('investigating officer'). On 13 March 2015, the investigating officer issued orders to seize moveable properties against the vehicles belonging to the first, thirteenth, eighteenth and nineteenth appellants at the High Court and the Court of Appeal. The freezing and seizure orders were issued on grounds that the investigating officer had reasonable suspicion that the seized and frozen properties were subject

matters of a criminal offence under sub-s. 4(1) of Act 613. On 29 April 2015, the Deputy Public Prosecutor issued a Notice of Seizure of Moveable Properties in the Financial Institutions under s. 50 of Act 613 to the relevant financial institutions not to part with, deal in or otherwise dispose of such properties frozen under s. 44 of Act 613. The appellants, on 15 February 2016, applied for the release of the freezing and seizure orders of the accounts and the appellants' vehicles on the ground that the orders ceased to have effect pursuant to s. 52A as the appellants were never charged with an offence under Act 613 within 12 months from the date of the seizure order and freezing order. However, the Attorney General's Chambers, in its reply, stated that the seized and frozen properties of the appellants could not be released as the Public Prosecutor had applied for the issuance of warrants of arrest against the appellants. The appellants, subsequently, filed a notice of motion for, *inter alia*, the following orders: (i) the warrant or warrants of arrest issued against the applicants to be revoked and/or abolished; and (ii) all the banking and financial institutions accounts, savings in the Lembaga Tabung Haji and other savings belonging to the applicants, including the vehicles frozen under the respondents' orders to be cancelled and the applicants to be free to deal with the accounts and the savings. However, the High Court dismissed the motion. Dissatisfied, the appellants appealed to the Court of Appeal. The Court of Appeal dismissed the appellant's appeal and retained and affirmed the decision of the High Court. Hence, the appeal by the appellants. The issue for determination in this appeal was whether the Court of Appeal was correct in dismissing the appeal against the decision of the High Court in dismissing the appellants' notice of motion.

Held (allowing appeal; setting aside decisions of Court of Appeal and High Court)

Per Zawawi Mohd Salleh FCJ delivering the judgment of the court:

(1) There were no charges preferred against the appellants for an offence under sub-s. 4(1) of Act 613 or a terrorism financing offence. The prosecution also did not make any application under s. 56 of Act 613 for an order of forfeiture of the properties. Therefore, the mechanism provided under sub-s. 61(2) of Act 613, *ie*, the requirement to cause to be published a notice in the *Gazette* calling upon any third party, including the appellants, who claimed to have interest in the properties to attend before the court to show cause as to why the properties should not be forfeited, was not moved and/or commenced. The appellants had no avenue to show cause why the properties ought not to be forfeited although they had lawful interest in law in the properties. Hence, the order of the High Court dismissing the notice of motion was a final order or decision on the properties in question. No other action could have been taken by the appellants in relation to the properties based on the provisions of Act 613.

(2) The provisions of Act 613 were purportedly to prevent the offence of illegal money laundering and terrorism financing and to provide wide powers to the enforcement agencies. The freezing and seizure of the properties could only be made on the ground 'if the enforcement agency has reasonable ground to suspect that an offence' had been committed or that the property is the proceeds of an unlawful activity or instrumentalities of an offence. In order to balance the wide powers of the enforcement agency and the need to protect the rights of possession and peaceful enjoyment of the property guaranteed under art. 13 of the Federal Constitution, Act 613 included several provisions, which required for certain follow-up actions to be taken within the prescribed period, amongst others, ss. 52A and 56(3) of Act 613.

(3) The provision of s. 52A of Act 613 is clear and mandatory; the property that has been seized must be released to the person from whom it has been seized if: (i) more than 12 months has expired from the date the seizure order was made; and (ii) the person against whom the freezing order or seizure order was made has not been charged with an offence under the Act after the expiration of 12 months from the date of the freezing order. Subsection 56(3) of Act 613 provides that where any property has been seized but there is no prosecution or conviction for an offence under sub-s. 4(1) or a terrorism financing offence, the Public Prosecutor may, before the expiration of 12 months from the date of the seizure, apply to the High Court for an order of forfeiture of the property. If the Public Prosecutor failed to do so within the prescribed period, the seized property must be released to the person from whom the property is seized.

(4) For the purposes of s. 52A of Act 613, a person is 'prosecuted' when the court takes cognisance of the offence. However, there was no warrant of arrest applied and there was no sanction to prosecute issued against the appellants. Therefore, the appellants were not 'prosecuted' within the period provided under s. 52A. The sanction to prosecute was an important step to be taken by the prosecution in charging the appellants in the court. Therefore, the freezing and seizure orders issued against the appellants ceased to have effect as the 12 months period had expired without any charges preferred against the appellants.

(5) The burden of duty of the enforcement agency and the prosecution is not something that could be taken judicial notice of by the court and could not be made a ground for setting aside the mandatory requirement of sub-s. 56(1). The facts which enabled the court to take judicial notice had been listed under s. 57 of the Evidence Act 1950. The decision of the Court of Appeal was against the clear and mandatory provisions of the law. The inference made by the Court of Appeal that the 'appellants had taken advantage of the shortcomings of the systems used by the

financial institutions to transfer the monies into their account' was not based on any evidence adduced before the court and the Court of Appeal had indulged in fanciful surmise and conjecture in this matter.

(6) The right of an accused person for a fair trial within a reasonable period is guaranteed under art. 5(1) of the Federal Constitution. However, there was no application by the prosecution under sub-s. 56(1) of Act 613 in regard to the appellants' properties that had been frozen and seized. The delay by the prosecution in taking the steps towards presenting the charges against the appellants and applying to the High Court under sub-s. 56(1) of Act 613 contravened the provisions of the law and was unsustainable. There were no reasons adduced in the respondents' affidavit to explain the delay. It was inappropriate and unreasonable for the Court of Appeal to justify the delay by taking judicial notice that investigations ought to be conducted from all angles and many parties and proceeded to ignore the effect of sub-s. 56(1).

(7) The freezing and seizure of the appellants' properties upon the expiry of 12 months from the date of the freezing and seizure orders issued without application by the prosecution under s. 56 of Act 613 was in contravention of the law and seriously prejudiced the appellants as they had no avenue to show cause why the properties ought not to be forfeited. Subsection 56(3) clearly provides that if there are no applications made under sub-s. 56(1) of Act 613, the properties must be released upon the expiry of 12 months from the date of seizure. Therefore, the respondents had breached the rules of natural justice by depriving the appellants of common law wherein the appellant ought to have been given the opportunity to be heard before a decision affecting their rights were made.

Kes-kes yang dirujuk:

Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [1999] 1 CLJ 537 CA ***(dirujuk)***

HKSAR v. Yeung Ka Sing Carson [2016] JKEC 1506 ***(dirujuk)***

Johnson Tan Han Seng v. PP & Other Appeals [1977] 1 LNS 38 FC ***(dirujuk)***

Lee Chow Meng v. PP [1975] 1 LNS 199 ***(dirujuk)***

Lim Hui Jin v. CIMB Bank Bhd & Ors [2018] 8 CLJ 327 CA ***(diikuti)***

Nirmal Singh Kahlon v. State of Punjab & Ors (Civil Appeal Nos. 6198-6199 Of 2008) ***(dirujuk)***

PP v. Dato' Yap Peng [1987] 1 CLJ 550; [1987] CLJ (Rep) 284 SC ***(dirujuk)***

PP v. Gan Boon Aun [2017] 4 CLJ 41 FC ***(dirujuk)***

PP v. Mohd Shaifuldin Khairudin & Ors [2006] 5 CLJ 678 HC ***(dirujuk)***

R v. Kalanj [1989] 1 SCR 1594 ***(dirujuk)***

R v. Mohammed Humayon Shah [1874] 21 WR 72 ***(dirujuk)***

Saad Abbas & Anor v. PP [1998] 4 CLJ 575 CA ***(dirujuk)***

Totti Trading v. PP [2018] 7 CLJ 218 CA ***(dirujuk)***

Waroo v. Emperor AIR 1948 Sind 40 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, ss. 4(1), (3), (4), 44(1)(b)(i), (ii), 45(2), 50(1), 51, 52A, 54(3), 55, 56(1), (3), 61(2), Second Schedule
Courts Of Judicature Act 1964, ss. 3, 87(1)
Evidence Act 1950, s. 57
Federal Constitution, arts. 5(1), 13(1), 160

Sumber-sumber yang dirujuk:

Norhashimah Mohd Yasin, *Precedents Relating to Money Laundering* [2004] 3 CLJ i-xiv
Shanmugam, B Thanasegaran H, *Combating Money Laundering in Malaysia, Journal of Money Laundering Control*, (2008), vol 11 No 4, 331-344

Bagi pihak perayu - Mohd Faizi Che Abu & Nurul Atiqah Badrul Hisham; T/n Tengku Amalin A-Ishah Putri Faizi & Wan Rohimi
Bagi pihak responden - Ku Hayati Ku Haron; TPR

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Rayuan, sila lihat Hazrin Izzuddin Jamaluddin & Yang Lain lwn. PP [2019] 5 CLJ 179 (ditolak); Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Permohonan Jenayah No: 44-74-06-2018 (ditolak).]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh HMP:

Pendahuluan

[1] Rayuan ini berbangkit daripada notis usul bertarikh 6 Jun 2016 yang difailkan oleh 31 orang, termasuklah perayu-perayu di sini, di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mendapatkan perintah-perintah yang berikut:

(a) Waran Tangkap atau Waran-Waran Tangkap yang dikeluarkan terhadap Pemohon-Pemohon dibatalkan dan/atau dimansuhkan;

(b) Semua akaun-akaun bank dan institusi kewangan, simpanan di Lembaga Tabung Haji dan simpanan-simpanan lain milik Pemohon-Pemohon termasuk kenderaan yang telah dibekukan atas perintah Responden-Responden dibatalkan pembekuan dan Pemohon-Pemohon bebas untuk berurusniaga akaun-akaun dan simpanan-simpanan tersebut;

(c) Responden-Responden membayar kepada Pemohon-Pemohon gantirugi am sepertimana yang akan ditaksirkan oleh Mahkamah;

(d) Kos Notis Usul tersebut dan semua kos insidental kepada Notis Usul tersebut ditanggung dan dibayar oleh Responden-Responden; dan

(e) Lain-lain perintah yang dianggap suai manfaat oleh Mahkamah.

[2] Pada 9 Januari 2017, selepas menimbangkan notis usul dan afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak-pihak serta mendengar hujahan-hujahan yang dikemukakan, Mahkamah Tinggi telah menolak notis usul tersebut tanpa perintah mengenai kos.

[3] Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi, perayu-perayu telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan. Pada 20 November 2017, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan perayu-perayu dan mengekalkan serta mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi.

[4] Terkilan dengan keputusan Mahkamah Rayuan, perayu-perayu di sini seterusnya merayu ke mahkamah ini terhadap keputusan tersebut. Perayu-perayu lain di Mahkamah Rayuan tidak membuat rayuan.

[5] Kami telah mendengar rayuan ini pada 15 Januari 2019 dan di akhir penghujahan pihak-pihak, kami telah menangguhkan keputusan rayuan ke satu tarikh yang akan ditetapkan bagi membolehkan mahkamah ini meneliti hujahan-hujahan yang telah dikemukakan.

[6] Kami telah mencapai keputusan sebulat suara dan kini kami menzahirkan alasan-alasan keputusan kami.

Fakta Kes

[7] Fakta material kes ini tidaklah berkontroversi. Pada 2 Februari 2015 dan 12 Februari 2015, Inspektor Nur Asykin binti Othman, Pegawai Penyiasat Polis Diraja Malaysia ("pegawai penyiasat") telah mengeluarkan perintah-perintah pembekuan di bawah s. 44 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ("Akta 613"), antara lain, terhadap akaun-akaun milik perayu-perayu.

[8] Pada 13 Mac 2015, pegawai penyiasat telah mengeluarkan perintah-perintah penyitaan harta alih terhadap kenderaan-kenderaan milik perayu pertama, perayu 13, perayu 18 dan perayu 19 di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

[9] Perintah-perintah pembekuan dan penyitaan tersebut dikeluarkan kerana pegawai penyiasat mempunyai syak yang munasabah bahawa harta-harta yang disita dan dibekukan tersebut merupakan subjek kepada satu kesalahan jenayah di bawah sub-s. 4(1) Akta 613.

[10] Pada 29 April 2015, Timbalan Pendakwa Raya telah mengeluarkan notis penyitaan harta alih dalam institusi kewangan di bawah s. 50 Akta 613 kepada institusi-institusi kewangan yang berkaitan agar tidak melepaskan, berurusan tentang atau selainnya melupuskan harta-harta yang telah dibekukan melalui perintah-perintah di bawah s. 44 Akta 613 sebelum ini.

[11] Pada 15 Februari 2016, peguam cara perayu-perayu telah menulis satu surat kepada Jabatan Peguam Negara Malaysia memohon agar perintah-perintah pembekuan dan penyitaan akaun-akaun dan kenderaan-kenderaan perayu-perayu tersebut dilepaskan atas alasan bahawa perintah-perintah pembekuan dan penyitaan yang telah dikeluarkan itu telah terhenti berkuat kuasa menurut s. 52A Akta 613 kerana orang yang terhadapnya perintah-

perintah tersebut dikeluarkan, antara lain, perayu-perayu di sini, telah tidak dipertuduhkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta 613 dalam tempoh 12 bulan dari perintah penyitaan dan perintah pembekuan dibuat.

[12] Pada 2 Mac 2016, Jabatan Peguam Negara telah menjawab surat perayu-perayu dan menyatakan bahawa harta-harta perayu-perayu yang telah disitakan dan dibekukan itu tidak dapat dilepaskan kerana Pendakwa Raya telah memohon supaya waran tangkap dikeluarkan terhadap perayu-perayu.

[13] Perayu-perayu kemudiannya telah mengambil tindakan undang-undang dan sejarah litigasi ialah seperti yang telah dinyatakan di perenggan-perenggan [1]-[4] penghakiman ini.

Bantahan Awal

[14] Pada permulaan pendengaran rayuan ini, Peguam Kanan Persekutuan bijaksana yang mewakili responden-responden telah membangkitkan suatu bantahan awal dan berhujah bahawa mahkamah ini tidak berkompeten untuk mendengar rayuan-rayuan perayu-perayu. Peguam Kanan Persekutuan mengemukakan dua alasan utama bagi menyokong bantahan awal tersebut. Pertama, dihujahkan bahawa keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan yang menolak notis usul yang difailkan oleh perayu-perayu tidak memutuskan dan menghakimi hak pihak-pihak secara muktamad. Notis usul yang difailkan perayu-perayu ialah untuk mendapatkan perintah pelepasan terhadap perintah-perintah pembekuan dan penyitaan harta-harta yang telah dibuat menurut ss. 44(1) dan 45(2) Akta 613. Pihak pendakwaan akan memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah pelucuthakan harta-harta itu di bawah s. 55 Akta 613 dan pihak pendakwaan akan membuktikan semasa perbicaraan nanti bahawa harta-harta itu telah menjadi hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan kesalahan di bawah sub-s. 4(1) Akta 613. Mahkamah Tinggi belum lagi membuat perintah bagi pelucuthakan harta-harta tersebut. Ini bermakna keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan berhubung dengan notis usul tidaklah tergolong dalam definisi "keputusan" ("decision") di bawah sub-s. 87(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ("Akta 91") dibaca bersama dengan s. 3 Akta yang sama. Dengan perkataan-perkataan lain, keputusan yang dirayu tidak secara muktamad menyelesaikan pertikaian antara pihak-pihak.

[15] Bagi menyokong hujahan beliau, rujukan dibuat kepada kes-kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [1999] 1 CLJ 537; [1999] 1 MLJ 321 dan *Saad Abbas & Anor v. PP* [1998] 4 CLJ 575; [1999] 1 MLJ 129. Inti pati keputusan kedua-dua kes tersebut ialah rayuan jenayah daripada sebarang keputusan Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Rayuan adalah dihadkan kepada keputusan yang akan mempunyai kesan memutuskan hak pihak-pihak secara muktamad dan tidak merangkumi satu penghakiman atau perintah yang tidak memutuskan secara muktamad mengenai perkara yang dipertikaikan antara pihak-pihak.

[16] Kedua, dihujahkan bahawa sub-s. 54(3) Akta 613 memperuntukkan, antara lain, selagi sesuatu penyitaan apa-apa harta di bawah Akta 613 masih berkuat kuasa, tiada tindakan, guaman atau prosiding lain yang bersifat sivil boleh dimulakan. Ini bermakna bahawa tiada apa-apa tindakan undang-undang termasuklah yang dibuat melalui notis usul oleh perayu-perayu, boleh dimulakan.

[17] Berdasarkan alasan-alasan di atas, Peguam Kanan Persekutuan berhujah bahawa rayuan yang dikemukakan oleh perayu-perayu di Mahkamah Rayuan dan mahkamah ini adalah suatu penyalahgunaan proses keadilan dan wajar dibatalkan dan kes ini dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan.

Keputusan Mengenai Bantahan Awal

[18] Pada hemat kami, bantahan awal yang dibangkitkan oleh Peguam Kanan Persekutuan adalah tidak bermerit dan ditolak.

[19] Keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak notis usul perayu-perayu untuk suatu perintah pelepasan perintah-perintah pembekuan dan penyitaan adalah merupakan satu keputusan yang mempunyai kesan memutuskan hak perayu-perayu terhadap harta-harta tersebut secara muktamad. Adalah menjadi suatu fakta yang tidak dipertikaikan bahawa tiada apa-apa pertuduhan telah dikemukakan terhadap perayu-perayu bagi suatu kesalahan di bawah sub-s. 4(1) Akta 613 atau suatu kesalahan membiayai keganasan. Pihak pendakwaan juga tidak membuat permohonan kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi di bawah s. 56 Akta 613 untuk mendapatkan suatu perintah pelucuthakan harta-harta tersebut. Dengan demikian, mekanisme yang diperuntukkan di bawah sub-s. 61(2) Akta 613 iaitu keperluan untuk menyebabkan disiarkan suatu notis dalam *Warta* bagi memanggil mana-mana pihak ketiga, termasuklah perayu-perayu di sini, yang mempunyai kepentingan mengenai harta-harta itu untuk hadir di mahkamah untuk menunjukkan sebab mengapa harta-harta itu tidak boleh dilucuthakan tidak dapat digerakkan dan/atau dimulakan. Justeru, perayu-perayu tidak mempunyai apa-apa jalan/kesempatan/peluang ("avenue") untuk menunjukkan sebab mengapa harta-harta tersebut tidak boleh dilucutkan walaupun mereka mempunyai kepentingan sah di sisi undang-undang terhadap harta-harta itu. Oleh itu, perintah Mahkamah Tinggi yang menolak notis usul adalah merupakan suatu perintah atau keputusan muktamad mengenai harta-harta yang terlibat. Tiada apa-apa tindakan lanjut boleh diambil oleh perayu-perayu berhubung dengan harta tersebut berdasarkan peruntukan Akta 613.

[20] Subseksyen 54(3) Akta 613 tidak terpakai dalam keadaan yang wujud dalam kes ini kerana perintah pembekuan dan penyitaan telah terhenti berkuat kuasa di bawah s. 52A Akta 613 kerana tiada apa-apa pertuduhan telah dikemukakan terhadap perayu-perayu dalam tempoh 12 bulan dari perintah-perintah pembekuan dan penyitaan tersebut dikeluarkan. Sayugia

diingati bahawa perkataan-perkataan yang digunakan di dalam s. 54(3) Akta 613 ialah "Selagi sesuatu penyitaan apa-apa harta di bawah Akta ini berkuat kuasa, ...". Perintah-perintah pembekuan dan penyitaan telah terhenti berkuat kuasa melalui kuat kuasa undang-undang, iaitu s. 52A Akta 613.

Isu yang Perlu Diputuskan

[21] Isu utama yang perlu diputuskan dalam rayuan ialah sama ada Mahkamah Rayuan betul apabila menolak rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang enggan untuk membenarkan notis usul yang dikemukakan oleh perayu-perayu. Dalam memutuskan isu tersebut, perbincangan mengenai latar belakang penggubalan Akta 613 adalah relevan.

Latar Belakang Penggubalan Akta 613

[22] Sebelum kami membincangkan pentafsiran dan skop seksyen-seksyen yang berkaitan dengan rayuan ini, adalah bermanfaat pada peringkat permulaan untuk mengingatkan diri kami mengenai bentuk perundangan yang mengawal rayuan ini. Sebelum Parlimen meluluskan Akta 613, Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus untuk menangani kesalahan pengubahan wang haram. Justeru, istilah "pengubahan wang haram", adalah sesuatu yang baru di Malaysia. Walau bagaimanapun, konsep penyembunyian hasil daripada aktiviti haram bukanlah sesuatu yang baru dan telah diperuntukkan dalam beberapa statut, antara lain, Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988, Akta Pencegahan Rasuah 1997, Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996 dan Akta Kastam 1967 (lihat Norhashimah Mohd Yasin, "*Precedents Relating to Money Laundering*" [2004] 3 CLJ i-xiv).

[23] Akta Pencegahan Wang Haram, nama asal kepada Akta 613, telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2001 tetapi hanya dikuatkuasakan pada 15 Januari 2002 (PU(B)15/2002). Tajuk panjang Akta 613 menyatakan:

> Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pengubahan wang haram, langkah-langkah yang hendaklah diambil bagi mencegah pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan dan untuk mengadakan peruntukan bagi pelucuthakan harta yang terlibat dalam atau yang diperoleh daripada kesalahan pengubahan wang haram dan membiayai keganasan, serta harta pengganas, hasil daripada aktiviti haram dan peralatan kesalahan, dan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[24] Bagi menghadapi cabaran memerangi keganasan sejagat, Akta 613 telah dipinda beberapa kali, antara lain, pada tahun 2008 di mana nama Akta ditukar kepada Akta Pencegahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan dalam tahun 2014, Akta ini sekali lagi dipinda dan dinamakan Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

[25] Antara "arsenal of tools" yang diguna pakai untuk mencegah kesalahan pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan ialah dengan memperuntukkan kuasa-kuasa pembekuan, penyitaan dan pelucuthakan harta alih dan harta tak alih dalam Bahagian VI Akta 613 kepada agensi penguat kuasa yang didefinisikan secara luas iaitu mana-mana badan atau agensi yang pada masa ini bertanggungjawab bagi penguatkuasaan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan, pengesanan dan penyiasatan mana-mana "kesalahan berat". "Kesalahan berat" pula didefinisikan dalam Jadual Kedua Akta 613 yang merangkumi 41 Akta yang dikendalikan oleh pelbagai agensi penguat kuasa.

[26] *Modus operandi* pengubahan wang haram ialah dengan cara menempat ("placement"), menghantar, membayar, membelanja, membawa ke luar negara, menukarkan atau perbuatan lainnya atas harta kekayaan yang diketahuinya atau patut disyaki sebagai hasil daripada perbuatan jenayah dengan maksud untuk menyembunyikan atau menyamarkan asal usul hasil daripada aktiviti haram (lihat JR Richards, *Transnational Criminal Organisations, Cybercrime, and Money Laundering: A Handbook for Law Enforcement Officers Auditors, and Financial Investigators*, (1st edn CRC Press Inc., Florida 1998).

Peruntukan-Peruntukan Penting Akta 613

[27] Akta 613 mendefinisikan kesalahan "pengubahan wang" di bawah s. 4, sebagai perbuatan seseorang yang:

> (a) melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
>
> (b) memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
>
> (c) mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau
>
> (d) merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan, ...

[28] Kesalahan pengubahan wang haram tidak bergantung kepada terdapatnya sabitan berkenaan dengan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing atau pendakwaan telah dimulakan bagi kesalahan-kesalahan tersebut untuk mensabitkan seseorang dengan kesalahan pengubahan wang haram (lihat sub-s. 4(4)).

[29] Pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan pengetahuan sebenar ("actual knowledge") bagi mensabitkan seseorang dengan kesalahan pengubahan wang haram. Subseksyen 4(1) memperuntukkan bahawa bagi membuktikan kesalahan pengubahan wang haram, kesimpulan bolehlah dibuat daripada mana-mana keadaan hakikat objektif bahawa orang itu:

(a) mempunyai sebab untuk mempercayai atau mempunyai syak yang munasabah bahawa harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau

(b) tanpa alasan yang munasabah tidak mengambil langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan.

[30] Di samping itu, jika hasil daripada aktivititi haram diperolehi daripada satu atau lebih aktiviti haram, hasil itu tidak perlu dibuktikan sebagai diperolehi daripada mana-mana aktiviti haram tertentu (lihat sub-s. 4(3); *HKSAR v. Yeung Ka Sing Carson* [2016] JKEC 1506)

[31] Seksyen 44 memberikan kuasa kepada agensi penguat kuasa untuk mengeluarkan perintah untuk membekukan mana-mana harta mana-mana orang, atau mana-mana harta pengganas sekiranya agensi penguat kuasa itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah sub-s. 4(1) Akta 613 atau suatu kesalahan membiayai keganasan telah atau sedang atau akan dilakukan oleh orang itu atau agensi penguat kuasa itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan seperti yang ditakrifkan di bawah Akta 613.

[32] Seksyen 51 pula memperuntukkan bahawa jika Pendakwa Raya berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seorang pegawai penyiasat, beliau boleh mengeluarkan perintah supaya harta tak alih disita oleh pegawai penyiasat.

[33] Seksyen 56 adalah berkaitan secara langsung dengan isu undang-undang yang berbangkit dalam rayuan ini dan bagi memudahkan perbincangan, seksyen ini diperturunkan sepenuhnya:

> 56.(1) Tertakluk kepada seksyen 61, jika berkenaan dengan apa-apa harta yang disita di bawah Akta ini tiada pendakwaan atau sabitan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan, Pendakwa Raya boleh, sebelum tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penyitaan itu, atau jika terdapat suatu perintah pembekuan, dua belas bulan dari tarikh pembekuan itu, memohon kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah pelucuthakan harta itu jika dia berpuas hati bahawa harta itu ialah:
>
> (a) hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan kesalahan itu;
>
> (b) harta pengganas;
>
> (c) hasil daripada aktiviti haram; atau
>
> (d) peralatan kesalahan.
>
> (2) Hakim yang kepadanya suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah membuat suatu perintah bagi pelucuthakan harta itu jika dia berpuas hati:

A (a) bahawa harta itu ialah:

(i) hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan;

B (ii) harta pengganas;

(iii) hasil daripada aktiviti haram; atau

(iv) peralatan kesalahan; dan

(b) bahawa tiada pembelian suci hati dengan balasan berharga berkenaan dengan harta itu.

C (3) Apa-apa harta yang telah disita dan berkenaan dengannya tiada permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah, apabila tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penyitaannya, dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu telah disita.

(4) Dalam menentukan sama ada harta itu ialah:

D (a) hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan;

(b) harta pengganas;

E (c) hasil daripada aktiviti haram; atau

(d) peralatan kesalahan,

Mahkamah hendaklah menggunakan standard pembuktian yang dikehendaki dalam prosiding sivil.

F **[34]** Di bawah Akta ini juga, beberapa institusi telah dinamakan sebagai institusi pelapor yang perlu membuat laporan kepada pihak berkuasa (Bank Negara Malaysia) mengenai apa-apa transaksi yang mencurigakan yang berkemungkinan mempunyai unsur pengubahan wang haram. Termasuk dalam senarai institusi pelapor ialah bank, agensi tukaran matawang, broker insuran, Pemegang Amanah Persisir, Lembaga Tabung Haji, Perkhidmatan Pos Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kasino Berlesen. Selain itu, Suruhanjaya Sekuriti, broker saham, juruaudit luaran, peguam dan setiausaha syarikat juga termasuk dalam kategori pihak yang dikenal pasti perlu melaporkan sebarang transaksi yang mencurigakan.

H **[35]** Sebagai tambahan, pihak bank juga telah diarahkan untuk melaksanakan ketelitian wajar pelanggan atau *customer due diligence* untuk memastikan penjenayah tidak boleh menggunakan institusi kewangan di Malaysia untuk kegiatan pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan dengan sewenang-wenangnya.

I

[36] Sebuah jawatankuasa kerja juga telah dibentuk bagi mengawasi aktiviti pengubahan wang haram di Malaysia. Jawatankuasa ini dianggotai agensi-agensi penguat kuasa dan pengawal selia undang-undang Malaysia dan Bank Negara bertindak sebagai sekretariat induk. Antara tugas unit ini adalah untuk meneliti laporan yang diterima dari institusi pelapor mengenai transaksi mencurigakan (lihat Shanmugam, B, and Thanasegaran, H "*Combating Money Laundering in Malaysia", Journal of Money Laundering Control*, (2008), vol. 11 No. 4, 331-344).

[37] Adalah tidak diragukan lagi bahawa peruntukan-peruntukan Akta 613 adalah bertujuan untuk dijadikan suatu alat berkesan bagi mencegah kesalahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Peruntukan-peruntukan Akta 613 memberikan kuasa yang luas kepada agensi penguat kuasa. Pembekuan dan penyitaan harta boleh dibuat hanya atas asas "jika agensi penguat kuasa mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki suatu kesalahan" telah dilakukan atau harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan (lihat s. 44(1)(b)(i) dan (ii)).

[38] Pada pandangan kami, bagi mengimbangi kuasa-kuasa agensi-agensi penguat kuasa yang luas dan keperluan untuk melindungi hak untuk memiliki dan menikmati harta secara aman seperti yang dijamin oleh per. 13 Perlembagaan Persekutuan, Akta 613 telah memasukkan beberapa peruntukan, yang menghendaki agar tindakan susulan tertentu diambil dalam tempoh yang ditetapkan. Seksyen 52A yang menyatakan:

> 52A. Sesuatu perintah penyitaan yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah terhenti berkuat kuasa selepas tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh perintah penyitaan itu, atau jika terdapat suatu perintah pembekuan sebelum itu, dua belas bulan dari tarikh perintah pembekuan itu, jika orang yang terhadapnya perintah itu dibuat tidak dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

[39] Peruntukan s. 52A adalah jelas dan mandatori: harta yang telah disita hendaklah dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu disita jika:

(i) ia telah melebihi tempoh 12 bulan daripada perintah penyitaan dibuat; dan

(ii) orang yang terhadapnya perintah pembekuan atau penyitaan itu dibuat tidak dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah Akta dalam tempoh 12 bulan daripada perintah pembekuan itu dibuat.

[40] Di samping itu, sub-s. 56(3) memperuntukkan bahawa apa-apa harta yang telah disita tetapi tiada pendakwaan dibuat atau sabitan bagi suatu kesalahan di bawah sub-s. 56(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan, Pendakwa Raya hendaklah sebelum tamat tempoh 12 bulan dari tarikh penyitaan itu, memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah pelucuthakan harta itu. Jika Pendakwa Raya gagal untuk berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan itu, harta yang disita hendaklah dilepaskan kepada orang yang daripadanya harta itu telah disita.

[41] Berbalik kepada rayuan di hadapan kami, keterangan menunjukkan bahawa harta-harta perayu-perayu yang disenaraikan di bawah ini telah dibekukan dan/atau disita melalui perintah-perintah yang dikeluarkan oleh pegawai penyiasat di bawah s. 44 dan s. 50(1) Akta 613:

(i) Raqeem Rizqin Enterprise (perayu pertama)

Kesemua wang yang tersimpan dalam akaun Maybank Berhad No: 505103406994.

(ii) Khairunniza binti Rusman (perayu kedua)

Kenderaan jenis Yamaha 135LC pendaftaran nombor WA1433X nombor enjin G399E-270654 nombor chasis PMYUGO410E0270654 dan kenderaan jenis Honda City 1.5L I-VTEC pendaftaran nombor WB 7101A nombor enjin L15Z16614292 nombor chasis PMHGM6640ED214300.

(iii) Norazlinda binti Ahmad (perayu ketiga)

Kesemua wang yang tersimpan dalam akaun Maybank Berhad No. 155023305642;

Kesemua wang yang tersimpan dalam akaun Maybank Berhad No. 505019614201;

Kesemua wang yang tersimpan dalam akaun RHB Bank Berhad No. 11800100078958; dan

Kenderaan jenis Mazda 21.5 HB SKYACTIV(A), no. Pendaftaran QAA 7779 M, no. enjin P520231556, no. chasis MM6DJ2HAAFW108693.

(iv) Terra Kinetic Sdn Bhd (perayu keempat)

Kesemua wang yang tersimpan dalam akaun Maybank Berhad No. 55620812365.

[42] Peguam bela terpelajar perayu-perayu berhujah bahawa pegawai penyiasat telah menyerahkan perintah pembekuan di bawah s. 44 Akta 613 kepada 31 orang yang terlibat, termasuklah perayu-perayu di sini, masing-masing pada 2 Februari 2015, 12 Februari 2015 dan 13 Mac 2015. Selanjutnya, Timbalan Pendakwa Raya telah mengeluarkan perintah penyitaan di bawah sub-s. 50(1) Akta 613 terhadap harta alih yang tersimpan dalam beberapa institusi kewangan.

[43] Peguam bela terpelajar perayu-perayu seterusnya berhujah bahawa perintah pembekuan dan penyitaan yang dikeluarkan itu telah terhenti berkuat kuasa kerana tempoh 12 bulan dari tarikh pembekuan dan penyitaan telah tamat dan perayu-perayu telah tidak dipertuduhkan sebagaimana yang diperuntukkan oleh s. 52A Akta 613.

[44] Pihak pendakwaan juga tidak mengambil inisiatif untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah pelucuthakan harta-harta itu sebagaimana yang diperuntukkan oleh sub-s. 56(1) Akta 613.

[45] Dalam keadaan demikian, dihujahkan bahawa penahanan berterusan oleh agensi penguat kuasa harta-harta berkenaan adalah menyalahi undang-undang dan harta-harta itu hendaklah dilepaskan kepada perayu-perayu berdasarkan sub-s. 56(3) Akta 613 dengan kadar yang segera.

[46] Kami perhatikan bahawa hujahan yang sama telah dikemukakan oleh peguam bela perayu-perayu di hadapan Mahkamah Rayuan. Walau bagaimanapun, hujahan tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan menyatakan di perenggan-perenggan [43]-[46] penghakiman:

> [43] Setelah mempertimbangkan keseluruhan proses pendakwaan dan autoriti-autoriti yang dikemukakan di atas, kami berpandangan bahawa seseorang itu "dituduh" apabila prosiding jenayah atau pendakwaan "dimulakan" terhadapnya. Oleh itu, kami bersetuju dengan dapatan Pesuruhjaya Kehakiman bahawa Perayu-perayu dalam rayuan ini telah "dituduh" apabila mahkamah "take cognisance" kesalahan terhadap mereka melalui Izin Mendakwa yang dikemukakan oleh Responden ke mahkamah.
>
> [44] Kami juga mengambil pendekatan ini selaras dengan peruntukan sub-s. 56(1) AMLATFAPUA yang menyatakan seperti berikut:
>
> > 56.(1) Subject to section 61, where in respect of any property seized under this Act there is no prosecution or conviction for an offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence, the Public Prosecutor may, before the expiration of twelve months from the date of the seizure, or where there is a freezing order, twelve months from the date of the freezing, apply to a judge of the High Court for an order of forfeiture of that property if he is satisfied that such property is:
> >
> > (a) the subject-matter or evidence relating to the commission of such offence;
> >
> > (b) terrorist property;
> >
> > (c) the proceeds of an unlawful activity; or
> >
> > (d) the instrumentalities of an offence.
>
> [45] Frasa "no prosecution" yang digunakan dalam peruntukan di atas merujuk kepada prosiding jenayah yang dimulakan di bawah AMLATFAPUA yang tertakluk kepada izin Pendakwa Raya seperti yang dikehendaki oleh s. 93. Penggunaan frasa ini menyokong dapatan kami bahawa di bawah s. 52A seseorang itu "dituduh" apabila pendakwaan dimulakan terhadapnya dan bukan keadaan seseorang itu dikatakan "dituduh" iaitu keadaan apabila pertuduhan dibacakan terhadap seseorang itu dan pengakuannya diambil oleh mahkamah.

A

> [46] Berdasarkan alasan-alasan yang dikemukakan di atas, kami berpuas hati bahawa **perayu pertama, Ke-2, 5, 6, 7, 8, 11, 12, 13, 14, 20, 21, 26 dan 31** telah "dituduh" bagi maksud s. 52A AMLATFAPUA setelah mahkamah "take cognisance" pertuduhan terhadap mereka melalui penerimaan izin mendakwa yang dikemukakan oleh responden ke mahkamah. Perintah pembekuan dan perintah penyitaan yang telah dikeluarkan terhadap mereka masih berkuat kuasa walaupun tempoh dua belas bulan dari tarikh perintah-perintah tersebut telah tamat. Oleh itu, permohonan perayu-perayu tersebut supaya perintah pembekuan dan perintah penyitaan yang dikeluarkan terhadap mereka dibatalkan adalah ditolak. (penekanan ditambah).

B

C

[47] Perkataan "pertuduhan" pada kebiasaannya digunakan dalam prosedur jenayah di Malaysia sebagai kata nama generik ("generic noun") untuk merujuk kepada satu penggubalan pengataan spesifik yang dibuat terhadap seseorang tertuduh di mana beliau berhak untuk mengetahui bentuknya pada peringkat awal (lihat *Waroo v. Emperor* AIR 1948 Sind 40).

D

Oleh itu, pertuduhan ialah satu notis kepada seseorang tertuduh mengenai perkara yang dia dipertuduhkan dan butir-butir pengataan di mana pihak pendakwaan berhasrat untuk membuktikan terhadapnya (lihat *R v. Mohammed Humayon Shah* [1874] 21 WR 72).

[48] Perkataan "pertuduhan" yang digunakan sebagai kata perbuatan, iaitu

E

"dipertuduhkan" ("charged"), tidak didefinisikan dalam Kanun Tatacara Jenayah Malaysia (Akta 593). Berdasarkan kes-kes yang diputuskan, perkataan "dipertuduhkan" boleh ditafsirkan sama ada secara sempit iaitu merujuk kepada pembacaan suatu pertuduhan di mahkamah terhadap seseorang tertuduh dan dia dikehendaki membuat pengakuan ("plea") atau

F

pertuduhan didaftarkan di pejabat pendaftaran mahkamah, atau ia boleh juga ditafsirkan secara luas iaitu dengan merujuk kepada langkah-langkah yang diambil oleh pihak pendakwaan ke arah mengemukakan pertuduhan terhadap seorang tertuduh seperti permohonan waran tangkap, pengeluaran sanksi untuk mendakwa atau apabila mahkamah telah mengambil perhatian tentang

G

kesalahan itu ("the court takes cognisance of the offence").

[49] Pada hemat kami, adalah tidak bermanfaat untuk kami cuba merumuskan satu definisi yang boleh diterima secara universal terhadap satu perkataan yang samar-samar seperti perkataan "dipertuduhkan". Kandungan dan makna perkataan itu hendaklah difahami dalam konteks di mana ia

H

digunakan.

[50] Dalam konteks pentadbiran undang-undang jenayah di Malaysia, Mohamed Azmi HMA dalam kes *PP v. Dato' Yap Peng* [1987] 1 CLJ 550; [1987] CLJ (Rep) 284; [1987] 2 MLJ 311 berkata:

I

> ... the normal legal position was that once the court had taken cognisance of the offence and was seised with jurisdiction to try the case, the institution of the proceedings by the Public Prosecutor was complete, because not only had the Public Prosecutor successfully invited the court to take action, but also it was the scheme of the Criminal Procedure Code

that trial would follow cognisance and cognisance would be preceded by investigation. Criminal proceedings are in fact not instituted until the court has taken cognisance of the offence or offences under one or other of the clauses of subsection (1) of section 128 C.P.C (see *Sohoni Criminal Procedure Code* [18th Ed.] Vol. 3 page 1885). Accordingly, once a court is seised with jurisdiction by taking cognisance of any offence under section 128 C.P.C, a host of judicial powers will flow to enable the court to proceed to trial and determine the dispute between the parties in accordance with law. In general, the court taking cognisance of the offence, is the dividing line between the sphere and domain of the executive and the judiciary, for cognisance by the court signals the submission of the executive to the jurisdiction of the Court and marks the completion of the exercise of executive power to "institute" the criminal proceedings. From then on, the whole conduct of the proceedings should be within the exclusive judicial power of the court until its conclusion.

[51] Pendekatan yang sama telah diambil oleh mahkamah-mahkamah dalam bidang kuasa Komanwel yang lain. Kes *R v. Kalanj* [1989] 1 SCR 1594 telah membincangkan perkataan "dipertuduhkan" dalam konteks s. 11(b) Canadian Charter of Rights and Freedom yang memperuntukkan bahawa "any person charged with an offence has the right to be tried within a reasonable time". Seksyen ini hanya merujuk kepada mereka yang dipertuduhkan ("charged") dengan satu kesalahan. Persoalan yang perlu diputuskan oleh Mahkamah Kanada ialah bilakah seseorang dikatakan dipertuduhkan dengan satu kesalahan ("charged with an offence") dalam makna s. 11(b) tersebut?

[52] Kami berpendapat adalah bermanfaat sekiranya penghakiman ini diperturunkan secara terperinci. Dalam penghakimannya, McIntyre J berkata:

This issue was considered by both the trial judge and the Court of Appeal. The trial judge seems to have concluded that "the appellants were only charged for the purposes of the Charter when some justice signed the information in January, 1983". He concluded, however, that the pre-charge delay could be considered in deciding if an accused had been tried within a reasonable time under s. 11(b). The Court of Appeal, on the other hand, held that s. 11(b) is specifically and exclusively addressed to the delay between the actual charge, which is the laying of the information, and the date of the trial, and that s. 11(b) may not be invoked in response to a delay in laying a charge. It was argued before this Court that the Court of Appeal erred in its interpretation of s. 11(b). Counsel for the appellants submitted that the appellants were charged within the meaning of s. 11(b) at the time of their arrest and release and that, accordingly, the entire period from May 5, 1982 until the commencement of the trial on February 4, 1985 should be considered in deciding if the trial had taken place within a reasonable time.

The word "charged" or "charge" is not one of fixed or unvarying meaning at law. It may be and is used in a variety of ways to describe a variety of events. A person is clearly charged with an offence when a charge is

read out to him in court and he is called upon to plead. Many authorities support this view if authority is necessary: see *R v. Chabot* [1980] 2 SCR 985, and the cases cited therein. A person could be considered in a general or popular sense to be charged with an offence when informed by one in authority that "you will be summoned to court" or upon an arrest when in answer to a demand to know what all this is about an officer replies: "You are arrested for murder". There are many other occasions when in the popular mind a person may be said to be charged for, according to Professor Mewett in *An Introduction to the Criminal Process in Canada* (1988), the word "charge" has no precise meaning at law but merely means that steps are being taken which in the normal course will lead to a criminal prosecution. However, despite what may be termed the imprecision of the word "charge" or the phrase "a person charged", the courts are faced with the task of developing a meaning of the word as used in s. 11 of the Charter.

In addressing this task, the courts have generally avoided the definite but restricted definition to be found in *Chabot*, *supra,* and have generally concluded that a person is charged with an offence within the meaning of s. 11 of the Charter when an information has been sworn which constitutes an initiating step in court proceedings. In *R. v. Boron* (1983), 8 CCC (3d) 25 (Ont HC), Ewaschuk J considered what he saw as three possible interpretations of the word "charged", and he concluded, at p. 31, that:

> In conclusion, I adopt the more prevalent view that the word "charged" in s. 11 of the Charter refers to the laying of an information, or the preferment of a direct indictment where no information has been laid. In consequence, the time-frame to be considered in computing trial within a reasonable time only runs from the laying of a charge. This general rule may have certain exceptions which I deal with later. Accordingly, the trial judge erred in holding that the Charter guarantees the right of a person to have proceedings promptly instituted against a person charged with an offence.

He had earlier said, at p. 28, referring to the old practice when a peace officer making an arrest would say: "I charge you in the name of the Queen with the murder of John Smith":

> However, that interpretation of the word "charged" is somewhat antiquated in light of s. 10(a) of the Charter which requires a peace officer on arrest or detention to inform the person arrested or detained of the reason (or reasons) therefor. By contrast, the Crown prosecutor is assumed to be the governmental official who decides the appropriate charge ...

He also rejected the idea that one is charged only when one appears in court to answer the charge, in other words, the *Chabot* approach. On this basis, Ewaschuk J. concluded that the time period, which under s. 11(b) of the Charter must be reasonable, is the period commencing with the swearing of the information or the preferring of a direct indictment when an information has not been sworn and concluding with the trial. In this

> approach, pre-information delay would not be a factor, but it will be observed that he allowed for an exception which in some cases would permit consideration of pre-charge time.
>
> The proposition that an accused person is charged only when the information is sworn has been accepted in a number of appellate court decisions. In *R v. Young* (1984), 13 C.C.C. (3d) 1, for example, the Ontario Court of Appeal referred to the date of the information as being "the time that the respondent was charged". Dubin J.A., speaking for the court, said that in that case there was no delay between the time of the charge, by which he was referring to the time of the swearing of the information, and the time of the trial, and therefore, s. 11(b) had no application. See also: *R. v. Belton* (1982), 3 C.C.C. (3d) 427 (Man); *R. v. Heaslip* (1983), 9 C.C.C. (3d) 480 (Ont); *Re Kott and The Queen* (1983), 7 C.C.C. (3d) 317 (Que); and *R. v. Devji* (1985), 19 C.C.C. (3d) 310 (B.C.) This approach has also been adopted at the trial level: *Re Gray and The Queen* (1982), 70 C.C.C. (2d) 62 (Sask); *R. v. Belcourt* (1982), 69 C.C.C. (2d) 286 (B.C); and *R v. Davis* (1988), 86 N.S.R. (2d) 284.
>
> I would note here that the Criminal Code in s. 455, for indictable offences, and in ss. 723 and 724, for summary conviction offences, speaks of the laying of an information and requires, as well, that an information be sworn. For the purposes of this judgment, the terms "laying an information" and "swearing an information", having the same significance, are used interchangeably.

[53] Selepas merujuk kepada kes-kes yang berkaitan, McIntyre J membuat kesimpulan yang berikut:

> I would therefore hold that a person is "charged with an offence" within the meaning of s. 11 of the Charter when an information is sworn alleging an offence against him, or where a direct indictment is laid against him when no information is sworn. It would follow, then, that the reckoning of time in considering whether a person has been accorded a trial within a reasonable time under s. 11 (b) will commence with the information or indictment, where no information has been laid, and will continue until the completion of the trial.

[54] Kami bersetuju dengan kesimpulan Mahkamah Rayuan bahawa bagi tujuan s. 52A Akta 613, seseorang itu dikatakan "dipertuduhkan" apabila mahkamah telah mengambil perhatian terhadap kesalahan berkenaan.

[55] Dari segi fakta, kami telah menyemak keterangan yang terdapat dalam rayuan ini, terutama afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak-pihak dan mendapati bahawa tiada waran tangkap telah dipohon dan tiada sanksi untuk mendakwa telah dikeluarkan terhadap perayu-perayu di sini. Oleh itu, pada pandangan kami, perayu-perayu telah tidak "dipertuduhkan" dalam tempoh yang ditetapkan dalam s. 52A Akta 613. Sanksi untuk mendakwa ialah suatu langkah penting yang perlu diambil oleh pihak pendakwaan ke arah mempertuduhkan perayu-perayu di mahkamah. Dalam hal demikian, kami

berpendapat perintah-perintah pembekuan dan penyitaan yang dikeluarkan terhadap perayu-perayu telah terhenti berkuat kuasa kerana tempoh 12 bulan telah tamat tanpa apa-apa pertuduhan dikemukakan terhadap perayu-perayu.

[56] Peguam Kanan Persekutuan berhujah bahawa walaupun perayu-perayu telah tidak dipertuduhkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh harta-harta tersebut dikeluarkan perintah pembekuan dan penyitaan dan tiada sanksi pendakwaan dikemukakan, namun harta-harta yang telah disita dan dibekukan itu adalah merupakan hal perkara ("subject matter") atau keterangan bagi kesalahan di bawah sub-s. 4(1) Akta 613 dan dengan itu Mahkamah Tinggi perlu membuat keputusan sama ada harta-harta itu akan dilucuthakkan atau sebaliknya. Hujahan ini telah diterima oleh Mahkamah Rayuan apabila mahkamah itu menyatakan:

> [47] Bagi isu (b) pula, kami berpandangan bahawa Subseksyen 56(1) AMLATFAPUA dengan jelas tidak menghalang harta-harta yang telah disita untuk terus disita **walaupun tempoh dua belas bulan tamat walaupun tiada pendakwaan atau sabitan dibuat di bawah Subseksyen 4(1) AMLATFAPUA**.
>
> [48] Berdasarkan afidavit yang diikrarkan oleh Pegawai Penyiasat (jika berjaya dibuktikan), kes ini melibatkan pemindahan wang berjumlah RM36,911,565.00 secara salah ke dalam akaun Perayu-perayu. Jumlah ini terlalu besar dan boleh mendatangkan implikasi yang negatif terhadap sistem perbankan negara. Perayu-perayu juga telah mengambil kesempatan atas kelemahan sistem yang digunakan oleh institusi kewangan dengan memindahkan wang tersebut ke dalam akaun mereka walaupun mereka mengetahui wang yang diperoleh tersebut bukan hak mereka.
>
> [49] Selain itu, kami ingin membuat "judicial notice" di sini bahawa beban tugas pihak pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah AMLATFAPUA adalah amat berat. Pegawai yang menyiasat perlu melihat dari kesemua sudut bagaimana kesalahan tersebut dilakukan lebih-lebih lagi bagi kesalahan yang melibatkan pemindahan wang secara dalam talian ("on-line"). Proses siasatan juga melibatkan banyak pihak seperti institusi kewangan, Bank Negara Malaysia, PDRM dan lain-lain. Tambahan pula, tempoh masa yang diberikan untuk menyelesaikan siasatan dan memulakan pendakwaan amat singkat. (penekanan ditambah).

[57] Dengan hormat, kami tidak bersetuju dengan keputusan Mahkamah Rayuan mengenai perkara ini. Keputusan Mahkamah Rayuan adalah bertentangan dengan peruntukan jelas dan mandatori undang-undang. Inferen yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan bahawa "perayu-perayu juga telah mengambil kesempatan atas kelemahan sistem yang digunakan oleh institusi kewangan dengan memindahkan wang tersebut ke dalam akaun mereka" tidak berdasarkan kepada apa-apa keterangan yang telah dikemukakan di mahkamah dan tampaknya Mahkamah Rayuan "indulged in fanciful surmise and conjecture" dalam perkara ini.

[58] Kami tidak bersetuju bahawa beban tugas agensi penguat kuasa dan pihak pendakwaan adalah sesuatu yang boleh diambil pengiktirafan oleh mahkamah dan boleh dijadikan alasan untuk mengetepikan kehendak mandatori sub-s. 56(1). Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa fakta-fakta di mana mahkamah boleh membuat pengiktirafan kehakiman ("judicial notice") telah disenaraikan dalam s. 57 Akta Keterangan 1950. Perkara-perkara yang membolehkan mahkamah membuat pengiktirafan kehakiman pada umumnya ialah perkara yang telah menjadi pengetahuan awam dan kewujudan dan operasinya telah diterima oleh orang ramai tanpa apa-apa pertikaian. Dalam kes *Lee Chow Meng v. PP* [1975] 1 LNS 199; [1976] 1 MLJ 287, (MT) Abdul Hamid H (sebagaimana dia ketika itu) berkata di ms. 288:

> What matters constitute common and general knowledge may be gathered from *Sarkar on Evidence*, (12th Ed), where the learned author, speaking of common knowledge, at page 575, said:
>
> > The matter of which a court will take judicial notice must be a subject of common and general knowledge. In other words, judicial knowledge of facts is measured by general knowledge of the same facts. A fact is said to be generally recognised or known when its existence or operation is accepted by the public without qualification or contention. The test is whether sufficient notoriety attaches to the fact involved as to make it proper to assume its existence without proof.
>
> In the light of the passage cited it is clear that the court may properly ask itself this question: is it not a fact well recognised that in Kuala Lumpur there has been of late, an increase in the commission of offences involving firearms? We are not concerned with absolute acceptance of the existence of certain knowledge. The rule of evidence speaks of general recognition and not total recognition in the sense that there is a general acceptance without qualification or contention as opposed to total acceptance.

[59] Dalam kes *Johnson Tan Han Seng v. PP & Other Appeals* [1977] 1 LNS 38; [1977] 2 MLJ 66 (MP), Raja Azlan Shah HMP (sebagaimana Baginda ketika itu) berkata di ms. 78:

> Judicial notice is the cognizance taken by the court itself of certain matters which are so notorious or clearly established that evidence of their existence is deemed unnecessary; see *Phipson on Evidence*, 11th Ed page 10. With regard to the facts enumerated in section 57, if their existence comes into question, the parties who assert their existence or the contrary need not, in the first instance, produce any evidence in support of their assertions. They need only ask the judge to say whether these facts exist or not, and if the judge's own knowledge will not help him, then he must look the matter up; further the judge can, if he thinks proper, call upon the parties to assist him. But in making his investigation the judge is emancipated from all the rules of evidence laid down for the investigation of facts in general. He may resort to any source of information which he finds handy, which he thinks help him: see Woodroffe & Ameer Ali on *Law of Evidence*, 12th Ed, Vol 2, page 1143.

[60] Berdasarkan kepada keadaan yang wujud dalam kes ini, kelewatan pihak pendakwaan untuk mengambil langkah-langkah ke arah mengemukakan pertuduhan terhadap perayu-perayu dan memohon kepada Mahkamah Tinggi di bawah sub-s. 56(1) Akta 613 adalah bercanggah dengan peruntukan undang-undang dan tidak dapat dipertahankan. Tiada apa-apa alasan dikemukakan dalam afidavit responden-responden yang menerangkan tentang kelewatan tersebut. Adalah tidak sesuai dan wajar bagi Mahkamah Rayuan menjustifikasikan kelewatan tersebut dengan membuat pengiktirafan kehakiman bahawa siasatan perlu dibuat dari ke semua sudut dan banyak pihak dan seterusnya mengetepikan kesan sub-s. 56(1).

[61] Berhubung dengan kelewatan mengemukakan sanksi untuk mendakwa, dalam kes *PP v. Mohd Shaifuldin Khairudin & Ors* [2006] 5 CLJ 678, VT Singham membuat pemerhatian yang berikut di ms. 698:

> The question still remains and which is troubling is that the physical appearance of the accused at the Magistrate's Court with respect would appear to be at the pleasure of the prosecution who will produce the consent ultimately months or years later and there appears to be no safeguard to the accused and this is grave injustice to the accused as it denies an accused person's right to a speedy trial and deny art. 5(1) of the Federal Constitution. (See *Public Prosecutor v. Choo Chuan Wang* [1992] 2 CLJ 1242; [1992] 3 CLJ (Rep) 329).

[62] Mengenai kewajipan agensi penguat kuasa untuk menjalankan suatu siasatan yang adil dan saksama, dalam kes *Nirmal Singh Kahlon v. State of Punjab & Ors* (Civil Appeal Nos. 6198-6199 Of 2008), Mahkamah Agung India berkata di ms. 27:

> Fair investigation and fair trial are concomitant to preservation of fundamental right of an accused under Article 21 of the Constitution of India. But the State has a larger obligation ie, to maintain law and order, public order and preservation of peace and harmony in the society. A victim of a crime, thus, is equally entitled to a fair investigation.

[63] Kami bersetuju dengan sentimen yang dizahirkan oleh kedua-dua kes di atas. Hak seseorang tertuduh untuk mendapatkan perbicaraan yang adil dalam tempoh yang munasabah adalah dijamin oleh per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan (lihat kes *PP v. Gan Boon Aun* [2017] 4 CLJ 41; [2017] 3 MLJ 12).

[64] Berhubung dengan kesan di sisi undang-undang sekiranya tiada pertuduhan dikemukakan selepas tamat tempoh 12 bulan dari tarikh perintah pembekuan dan penyitaan dan tiada permohonan dibuat di bawah sub-s. 56(1), kami bersetuju dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Lim Hui Jin v. CIMB Bank Bhd & Ors* [2018] 8 CLJ 327, apabila Abdul Rahman Sebli HMR berkata di perenggan [33]-[39] di ms. 340-341:

> [33] Section 56 speaks of forfeiture of "any property seized under this Act" where there is no prosecution or conviction for an offence under s. 4(1) or a terrorism financing offence. The appellant's account falls under

this class of properties. However, before the provision is activated, there must first be an application by the Public Prosecutor for forfeiture of the seized property and the application must be made within 12 months from the date of seizure order, failing which sub-s. (3) mandates that the property must be returned to the person from whom it was seized. There was no such application by the Public Prosecutor in the present case.

[34] At first blush, there appears to be a conflict between s. 55(1) and ss. 52A and 56(3) of the AMLATEPUA. Whilst both s. 52A and s. 56(3) envisage the release of the seized property if no criminal prosecution is instituted within 12 months from the date of the freezing or seizure order, s. 55(1) on the other hand stipulates that where there is a prosecution for an offence under s. 4(1) or a terrorism financing offence, the seized property must be forfeited if the requirements are met, that is, if the property is proved to be:

(a) the subject-matter or evidence relating to the commission of such offence;

(b) terrorist property;

(c) the proceeds of an unlawful activity;

(d) the instrumentalities of an offence,

where:

(aa) the offence is proved against the accused; or

(bb) the offence is not proved against the accused but the court is satisfied that:

(i) the accused is not the true and lawful owner of such property; and

(ii) no other person is entitled to the property as a purchaser in good faith for valuable consideration.

[35] Having given the matter careful consideration, we do not think that the effect of s. 55(1) is to override ss. 52A and 56(3) of the AMLATEPUA. The three provisions cater to two different situations. Section 52A and s. 56(3) provide for the release or return of the seized property where there is no prosecution against the person from whom the property was seized, whereas s. 55(1) provides for forfeiture where there is a prosecution under s. 4(1) or a terrorism financing offence.

[36] The prosecuted person under s. 55(1) must necessarily refer to the person from whom the property was seized pursuant to s. 50(1) of the AMLATEPUA, who in the present case is the appellant. But the fact is, the appellant has not been prosecuted for an offence under s. 4(1) or a terrorism financing offence.

[37] In a situation where the seized property is required to be released to the person from whom it was seized after the expiration of the freezing or seizure order as envisaged by s. 52A and upon expiration of the period prescribed by s. 56(3), it stands to reason that the property cannot be

forfeited by way of a proceeding under s. 55(1), that is, by way of a criminal prosecution against some other person for an offence under s. 4(1) or a terrorism financing offence.

[38] To allow the Public Prosecutor to do so will be to allow him to ignore and circumvent the limitation period prescribed by both s. 52A and s. 56(3) of the AMLATEPUA. That will defeat the object behind the two provisions rather than to put their object into effect, which is for the release or return of the property to the person from whom the property is seized if there is no prosecution against that person for an offence under the AMLATEPUA after the expiration of the seizure order.

[39] Such construction will also render s. 52A and s. 56(3) otiose, which could not have been the intention of the Legislature when enacting the two provisions. It is axiomatic that Parliament does not legislate in vain. In any event, it is trite principle that where there is a conflict between two or more provisions in a statute of this nature, the court must give a construction that is most favourable to the subject.

[65] Peguam bela terpelajar perayu-perayu memaklumkan kepada mahkamah bahawa tidak ada permohonan dibuat oleh pihak pendakwaan di bawah sub-s. 56(1) Akta 613 berhubung dengan harta-harta perayu-perayu yang telah dibeku dan disitakan. Mengikut rekod prosiding rayuan di hadapan kami, pihak pendakwaan tidak mengemukakan apa-apa keterangan untuk menafikan fakta yang dimaklumkan oleh peguam bela terpelajar pemohon-pemohon kepada kami. Dalam hal demikian, kami menerima fakta tersebut sebagai benar dan/atau tidak dipertikaikan oleh pihak pendakwaan.

[66] Kami bersetuju dengan hujahan penguam bela terpelajar perayu-perayu bahawa pembekuan dan penyitaan harta-harta perayu-perayu selepas tamat tempoh 12 bulan dari tarikh perintah-perintah pembekuan dan penyitaan dikeluarkan tanpa permohonan dibuat oleh pihak pendakwaan di bawah s. 56 Akta 613 adalah menyalahi undang-undang dan amat memprejudiskan perayu-perayu kerana mereka tidak mempunyai apa-apa jalan/kesempatan/peluang ("avenue") untuk menunjukkan sebab mengapa harta-harta itu tidak boleh dilucuthakkan. Subseksyen 56(3) secara jelas menyatakan bahawa jika tiada permohonan dibuat di bawah sub-s. 56(1) Akta 613, harta-harta itu hendaklah dilepaskan apabila tamat tempoh 12 bulan dari tarikh penyitaannya.

[67] Kami berpendapat, berdasarkan keadaan yang wujud dalam kes ini, pihak responden-responden telah melanggar keadilan asasi perayu-perayu iaitu menafikan undang-undang lazim ("common law") di mana perayu-perayu hendaklah diberikan peluang untuk didengar sebelum sesuatu keputusan yang menjejaskan kepentingan mereka dibuat.

[68] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang (lihat per. 13(1) Perlembagaan Persekutuan). Takrifan "Undang-undang" dalam per. 160

Perlembagaan Persekutuan termasuklah hak untuk didengar. Dalam kes *Totti Trading v. PP* [2018] 7 CLJ 218, Mahkamah Rayuan memutuskan di perenggan [19] ms. 277:

> [19] We refer to art. 13(1) of the Federal Constitution which protects the rights of one's property. Article 13 guaranteed that "no person shall be deprived of property save in accordance with law". Whereas art. 160 of the Federal Constitution defined "law" to includes "written law, the common law insofar as it is in operation in the Federation or any part thereof, or any custom or usage having the force of law in the Federation or any part thereof". *We are of the view that the rules of natural justice and procedure which form an integral part of the common law must be fully satisfied before one's property can be forfeited without any compensation. The right to be heard is one of the pillars of the rules of natural justice.* Any breach of these rules amounts to a contravention of art. 13 of our Federal Constitution. (penekanan ditambah).

Kesimpulan

[69] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, kami sebulat suara memutuskan bahawa rayuan perayu-perayu adalah bermerit dan kami membenarkan rayuan ini. Keputusan Mahkamah Tinggi yang dikekalkan dan disahkan oleh Mahkamah Rayuan adalah dengan ini diketepikan.

[70] Peguam cara terpelajar perayu-perayu memaklumkan kepada mahkamah bahawa perayu-perayu hanya ingin mendapatkan perintah yang dipohon di prayer (b) dalam notis usul di Mahkamah Tinggi sahaja dan tidak ingin meneruskan permohonan bagi relief-relief lain dalam notis usul tersebut. Oleh itu, rayuan dibenarkan dan perintah diberikan seperti yang dipohon di prayer (b) notis usul tersebut.